



GARIS PANDUAN

GERAN GALAKAN

MELANCONG MALAYSIA

(GAMELAN)

2024

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(TOURISM MALAYSIA)

Panduan ini tertakluk kepada penilaian tahunan (*yearly review*) dan perubahan dari semasa ke semasa.

Pindaan : Jun 2024

Mukasurat 1 | 26

GARIS PANDUAN GAMELAN MALAYSIA 2024

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	LATAR BELAKANG	3 - 4
	1.1 Tujuan / Objektif	
	1.2 Pasaran Sasaran	
	1.3 Format / Sumber Peruntukan	
	1.4 Siling Peruntukan	
	1.5 Amaun Tuntutan Pengembalian Kewangan	
	1.6 Tarikh Tutup Permohonan	
2.	KATEGORI YANG LAYAK MEMBUAT PERMOHON	4 – 5
3.	PROSES PERMOHONAN & TUNTUTAN	5 – 6
4.	SKOP PERMOHONAN & KRITERIA KELAYAKAN (Kategori Permohonan dan Amaun Peruntukan)	6 – 11
	4.1 Penyertaan di dalam Pameran Pelancongan (<i>Travel Fairs / Exhibitions</i>)	
	4.2 Penyertaan di dalam Misi Jualan (<i>Tourism Sales Mission / Roadshows</i>)	
	4.3 Penganjuran Webinar Pelancongan	
	4.4 Penganjuran Lawatan Suai Kenal (FAMTRIP)	
	4.5 Hebahan Video Melalui Platform / Medium atas talian (<i>Online</i>)	
5.	KATEGORI PEMOHON	11 – 13
6.	NOTIS PENTING	13 – 14
7.	SENARAI SEMAK PERMOHONAN	15 – 18
8.	SENARAI SEMAK TUNTUTAN	19 – 25

1. LATAR BELAKANG

1.1 TUJUAN/OBJEKTIF

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) melalui pelaksanaan GAMELAN 'Galakan Melancong' Malaysia adalah bertujuan untuk mempergiatkan program Promosi dan Pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia, di samping merencanakan pelancongan domestik.

1.2 PASARAN SASARAN

Pasaran domestik dan antarabangsa.

1.3 FORMAT/SUMBER PERUNTUKAN

Format peruntukan adalah secara pengembalian kewangan (*reimbursable financial assistance*) di mana sumber peruntukan adalah peruntukan KHAS yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang dikenali sebagai peruntukan '*Matching Grant*' (Geran Sepadan) mengikut peruntukan tahun semasa yang disalurkan.

1.4 SILING PERUNTUKAN

Had siling adalah mengikut Skop Permohonan dan Kriteria Kelayakan.

1.5 AMAUN TUNTUTAN PENGEMBALIAN KEWANGAN

Amaun yang boleh dituntut adalah berdasarkan satu (1) penyertaan/permohonan bagi satu (1) program oleh satu (1) entiti, iaitu sehingga **lima puluh peratus (50%) daripada jumlah perbelanjaan sebenar ATAU mengikut kelayakan maksimum yang ditetapkan berdasarkan kelulusan Jawatankuasa Penilaian GAMELAN (yang mana lebih rendah)**. Jumlah kelayakan maksimum amaun yang boleh dituntut adalah berdasarkan Skop Permohonan.

1.6 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan GAMELAN adalah pada 30 November atau peruntukan selesai dioptimakan bagi tahun semasa diluluskan.

2. KATEGORI YANG LAYAK MEMBUAT PERMOHONAN

2.1 SYARIKAT/ PERSATUAN/ PERTUBUHAN/ KELAB YANG LAYAK MEMOHON;

- 2.1.1 Persatuan Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia yang berdaftar/diiktiraf di Malaysia; atau
- 2.1.2 Syarikat/Agensi Pelancongan Malaysia yang berdaftar/dilesenkan di bawah MOTAC & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- 2.1.3 Pengusaha Penginapan yang berdaftar di bawah MOTAC dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- 2.1.4 Persatuan Membeli Belah (*Shopping*) yang berdaftar/dilesenkan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- 2.1.5 Persatuan/Kelab/Syarikat mempromosikan produk minat khas (*niche*) seperti *Golfing, Birding, Diving, Fishing, Wedding, Cycling, Mountain Climbing, Paragliding, Motorsports, Gourmet* dan bidang-bidang lain yang bersesuaian yang berdaftar/dilesenkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia; atau
- 2.1.6 Pengusaha *Community Based Tourism* (CBT) yang berdaftar/dilesenkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia; atau
- 2.1.7 Taman tema & pemilik produk Pelancongan, Seni & Budaya berdaftar/berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- 2.1.8 Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) yang mana kos promosi tidak dibiayai oleh Kerajaan,

berdaftar/dilesenkan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

*** Pemohon yang tamat tempoh mana-mana lesen yang berkaitan dengannya tidak akan dipertimbangkan. Resit pembayaran/apa-apa dokumen rasmi yang berkaitan perlu dikemukakan sebagai bukti sekiranya permohonan pembaharuan lesen telah dibuat.**

2.2 TIDAK LAYAK MEMOHON

- 2.2.1 Agensi/Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri
- 2.2.2 Pemohon telah menerima subsidi/pembiayaan/penajaan daripada agensi kerajaan yang lain atau kos promosi yang telah diluluskan di bawah Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) bagi **AKTIVITI YANG SAMA.**

3. PROSES PERMOHONAN & TUNTUTAN

Skop permohonan adalah melibatkan aspek-aspek berikut:

- 3.1 Berpandukan kepada Pelan Strategik TM 2022-2026 dan keperluan pasaran semasa/ global;
- 3.2 Permohonan **YANG LENGKAP SAHAJA** akan diterima dan diproses untuk kelulusan (sila rujuk senarai semak);
- 3.3 Penilaian kertas cadangan/permohonan dan proses semakan permohonan awal untuk kelulusan oleh Urus setia GAMELAN dan Jawatankuasa Penilaian GAMELAN;
- 3.4 Proses persediaan dan perjalanan aturan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian GAMELAN oleh Urus setia GAMELAN;
- 3.5 Jawatankuasa Penilaian GAMELAN menyokong dan memperakukan (bersama *Lead Party*) ke atas cadangan/permohonan kepada Pihak Berkuasa Melulus;
- 3.6 Kelulusan oleh Ketua Pengarah ATAU semasa ketiadaan Ketua Pengarah, oleh Timbalan Ketua Pengarah yang diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah;
- 3.7 Pengesahan terhadap penyertaan/pelaksanaan aktiviti/program berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pemohon serta

- Borang Perakuan (*Verification Form*) oleh Pejabat Tourism Malaysia bagi acara bukan anjuran Tourism Malaysia;
- 3.8 Tuntutan bayaran oleh pemohon berserta dokumen lengkap dan laporan penuh penyertaan/pelaksanaan aktiviti/program;
- 3.9 Proses semakan tuntutan dan bayaran kepada pemohon; dan
- 3.10 Tuntutan **YANG LENGKAP SAHAJA** akan diterima dan diproses untuk bayaran (sila rujuk senarai semak).

4. SKOP PERMOHONAN & KRITERIA KELAYAKAN (Kategori Permohonan dan Amaun Peruntukan)

4.1 PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (TRAVEL FAIRS/EXHIBITIONS)

AKTIVITI/PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-	
	FIZIKAL	ATAS TALIAN
a) <i>International/Malaysia Travel Fairs/Exhibitions (Malaysia)</i>	RM20,000	RM10,000 Yuran Penyertaan Sahaja
b) <i>International Travel Fairs/Exhibitions (Luar Negara)</i>	RM30,000	RM10,000 Yuran Penyertaan Sahaja

Nota:

- i. Aktiviti/program bukan anjuran Tourism Malaysia perlu diperakukan oleh Pejabat atau Bahagian Tourism Malaysia yang berkaitan sebelum tuntutan dikemukakan. **Borang perakuan (*verification form*) seperti di lampiran.**

- ii. Tidak layak memohon bagi aktiviti/program pameran LUAR NEGARA di lokasi yang sama dengan pameran/misi jualan yang telah disertai/dianjurkan oleh Tourism Malaysia kecuali;
 - a. Bilangan penyertaan di dalam reruai/astaka Tourism Malaysia telah mencapai had maksimum dan dengan syarat mendapat pengesahan daripada Bahagian Promosi Antarabangsa/ Domestik & Acara yang berkaitan.
 - b. Pemohon yang menyertai program anjuran/disertai oleh Kerajaan Negeri adalah layak memohon GAMELAN dengan syarat mendapat pengesahan daripada Kerajaan Negeri.
- iii. Aktiviti/ program *sales call* TIDAK BOLEH dituntut di bawah GAMELAN. Sebarang kos yang berkaitan aktiviti/program ini tidak akan dipertimbangkan kecuali bagi program anjuran Tourism Malaysia seperti tertera di dalam itinerari/program.

4.2 PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN (TOURISM SALES MISSION/ROADSHOWS)

AKTIVITI/PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-	
	FIZIKAL	ATAS TALIAN
a) Anjuran TM	Malaysia: RM20,000 Luar Negara: RM30,000	RM10,000
b) Anjuran Pihak Lain		
i. Kementerian/Jabatan Kerajaan/Kerajaan Negeri		
ii. Persatuan/Penggiat Industri		
iii. Badan Profesional		

Nota:

- i. Aktiviti/program bukan anjuran Tourism Malaysia perlu diperakukan oleh Pejabat atau Bahagian Tourism Malaysia yang berkaitan

sebelum tuntutan dikemukakan. **Borang perakuan (*verification form*) oleh Pejabat Tourism Malaysia seperti di lampiran.**

- ii. Tidak layak memohon bagi aktiviti/program misi jualan LUAR NEGARA di lokasi yang sama dengan pameran/misi jualan yang telah disertai/dianjurkan oleh Tourism Malaysia kecuali;
 - a. Bilangan penyertaan di dalam reruai/astaka Tourism Malaysia telah mencapai had maksimum dan dengan syarat mendapat pengesahan daripada Bahagian Promosi Antarabangsa/ Domestik & Acara yang berkaitan.
 - b. Pemohon yang menyertai program anjuran/disertai oleh Kerajaan Negeri adalah layak memohon GAMELAN dengan syarat mendapat pengesahan daripada Kerajaan Negeri.

- iii. Aktiviti/ program *sales call* TIDAK BOLEH dituntut di bawah GAMELAN. Sebarang kos yang berkaitan aktiviti/program ini tidak akan dipertimbangkan kecuali bagi program anjuran Tourism Malaysia seperti di dalam itinerari/program.

4.3 PENGANJURAN WEBINAR PELANCONGAN

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (<i>REIMBURSABLE</i>) -Kelayakan Maksimum-	
	FIZIKAL	ATAS TALIAN
Webinar i. Portal/platfom dalam talian ii. Promosi sesi webinar iii. Penceramah dengan kelayakan akademik: <ul style="list-style-type: none"> • Diploma/sijil • Sarjana Muda • Sarjana • Ph.D. 	NA	RM2,000

4.4 PENGANJURAN LAWATAN SUAI KENAL (FAMTRIP)

AKTIVITI/PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-
Program Suai Kenal/FAMTRIP i. Makan Tengahari/ Makan Malam ii. Persembahan Kebudayaan iii. Bayaran Masuk Produk Pelancongan iv. Pemandu Pelancong v. Pengangkutan Bas/Van Persiaran vi. Penginapan	Malaysia: RM10,000

Nota:

- i. Peserta FAMTRIP yang LAYAK adalah terdiri daripada Ejen Pelancongan, Pemandu Pelancong, Media, Blogger dan *KOL/Influencer* atau mana-mana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.
- ii. Lokasi program dan peserta FAM TRIP perlulah berbeza untuk setiap permohonan yang dikemukakan.
- iii. Program berkesinambungan dengan peserta yang sama akan dipertimbangkan sebagai satu program sahaja.

4.5 HEBAHAN VIDEO (MELALUI PLATFOM/MEDIUM ATAS TALIAN) *ONLINE*

AKTIVITI/PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (<i>REIMBURSABLE</i>) -Kelayakan Maksimum-
<p>Hebahan video promosi pelancongan melalui platfom atau medium atas talian (<i>Online</i>)</p> <p>i. Portal/Platfom atas talian (<i>Online Portal/Platform</i>)</p> <p>ii. <i>KOL (Key opinion leader)/Influencer</i></p>	<p>Maksimum RM30,000 setiap syarikat/pemohon bagi tahun semasa</p>

Nota:

- i. Kos produksi tidak ditanggung.
- ii. Video promosi berkaitan produk atau pakej pelancongan yang dimiliki oleh pemohon perlulah mempunyai elemen *hard sell* jualan pakej produk pelancongan atau lain-lain yang berkaitan yang diperolehi daripada video promosi yang dihasilkan untuk tujuan rekod.
- iii. Setiap informasi atau maklumat yang disampaikan di dalam video promosi pelancongan oleh *KOL (Key Opinion Leader)/influencer* adalah pendapat peribadi yang mereka rasakan boleh dipercayai. Pihak Tourism Malaysia tidak memperakukan kesahihan atau ketepatannya dan tidak akan bertanggung (*liable*) terhadap kebergantungan pihak ketiga ke atas informasi atau maklumat yang terkandung dalam video tersebut.

- iv. Mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang, peraturan dan kod etika dalam sepanjang tempoh penggambaran yang dilaksanakan.
- v. Menghormati tatasusila dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dan dilarang mempamerkan secara terbuka aksi dan pertuturan yang menyentuh agama, sensitiviti masyarakat dan bertentangan dengan nilai budaya tempatan.
- vi. Tourism Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua tindakan undang-undang atau tuntutan gantirugi oleh mana mana pihak ke atas video yang dihasilkan.
- vii. Mengemukakan laporan penuh bergambar mengandungi tangkap layar (*screen shot*) video promosi dengan jumlah tontonan (*viewers*) atau perkongsian (*share*) bagi setiap platform atas talian yang digunakan dan pautan (*link*) atau *soft copy* video promosi untuk tujuan rekod.
- viii. Tarikh akhir permohonan hebahan video adalah pada 31 Oktober bagi tahun semasa peruntukan yang diluluskan.**

5. KATEGORI PEMOHON

Permohonan yang **LENGKAP** perlu **DITERIMA** oleh pihak **Urus setia sebelum aktiviti/ program Promosi & Pemasaran dilaksanakan/ disertai**. Permohonan ini hendaklah disertakan dengan butiran/dokumen lengkap seperti berikut;

BIL	KATEGORI PEMOHON	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1.	Syarikat/Agensi Pelancongan	1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Sijil Pendaftaran daripada MOTAC

2.	Persatuan Pelancongan, Seni & Budaya yang berdaftar/ diiktiraf	Sijil Pendaftaran Persatuan
3.	Pengusaha Penginapan yang berdaftar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; 2. Sijil Pendaftaran daripada MOTAC; 3. Sijil Pendaftaran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (nilai perkhidmatan bercukai bagi tempoh 12 bulan melebihi RM500,000 sahaja); dan 4. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
4.	Persatuan Membeli Belah (<i>Shopping Association</i>)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Pendaftaran Persatuan/Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
5.	Pengusaha <i>Community Based Tourism</i> (CBT)	Sijil-sijil yang berkaitan untuk mengesahkan perusahaan
6.	Persatuan/Kelab/Syarikat mempromosikan produk minat khas (<i>niche</i>) seperti <i>Golfing, Birding, Diving, Fishing, Wedding, Cycling, Mountain Climbing, Paragliding, Motorsports, Gourmet</i> dan bidang-bidang lain yang bersesuaian	Sijil Pendaftaran Persatuan/Kelab/Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM

7.	Taman Tema & Pemilik Produk Pelancongan, Seni & Budaya yang berdaftar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
8.	<i>Government linked Company (GLC)</i> [Bagi kos promosi yang tidak dibiayai oleh pihak Kerajaan Pusat/Negeri].	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).


6. NOTIS PENTING

- i. **Tuntutan ke atas GAMELAN** yang telah diluluskan mesti dibuat di dalam **tempoh 30 hari bekerja selepas dari** tarikh akhir aktiviti/program atau tarikh makluman kelulusan berserta dengan **DOKUMEN LENGKAP**. Kegagalan mengemukakan tuntutan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan kelulusan permohonan tersebut **TERBATAL** secara automatik.
- ii. **Semua dokumen tuntutan GAMELAN PERLU** disokong dengan **Resit dan/atau Penyata Bank** atau **Penyata Kad Kredit** atau **Telegraphic Transfers** dan **Invois yang telah disahkan (cop dan tandatangan) oleh pemohon/syarikat** sebagai **BUKTI PENYERTAAN/PELAKSANAAN**.
- iii. Semua dokumen tuntutan GAMELAN PERLU dikemukakan di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Dokumen menggunakan lain-lain Bahasa perlu diterjemahkan oleh pemohon sebelum dikemukakan sebagai dokumen sokongan.
- iv. Bagi pemohon yang tidak dapat mengemukakan resit asal atau apa-apa dokumen asal yang dikehendaki untuk proses pembayaran, pemohon dikehendaki untuk mengemukakan salinan resit asal atau apa-apa dokumen yang dikehendaki yang telah diperakukan sah

oleh **pegawai Kerajaan dari kumpulan Pengurusan & Professional.**

- v. Tuntutan kos bagi **aset dalaman (*internal assets*)** perlu disokong dengan Arahan Kerja/Bukti Tempahan/Penyata Transaksi yang dikeluarkan oleh syarikat.
- vi. Semua dokumen tuntutan **PERLU** di bawah nama **PEMOHON (Persatuan/Syarikat/Individu)**. Tuntutan yang dibuat **BUKAN** di bawah nama pemohon, **TIDAK AKAN DITERIMA/ DIPERTIMBANGKAN.**
- vii. **Sekiranya DOKUMEN/TUNTUTAN/MAKLUMAT** didapati **PALSU/ MERAGUI** atau Persatuan/Syarikat/Individu menarik diri daripada program setelah permohonan **GAMELAN** diluluskan, pemohon akan **DISENARAI HITAM** oleh Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia selama **12 bulan** dari tarikh surat pemakluman dan tindakan undang-undang boleh dikenakan.
- viii. Pemohon perlu bertanggungjawab dan jujur didalam permohonan yang dikemukakan. Urus setia berhak menuntut apa-apa maklumat/dokumen tambahan yang diperlukan sebagai dokumen sokongan sekiranya terdapat keraguan di dalam permohonan dan tuntutan GAMELAN.
- ix. Panduan ini tertakluk kepada penilaian tahunan (*yearly review*) dan perubahan dari masa ke semasa.
- x. **SEGALA KEPUTUSAN UNTUK PERMOHONAN DAN TUNTUTAN GAMELAN ADALAH MUKTAMAD. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

7. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN	DOKUMEN PERMOHONAN FIZIKAL / ATAS TALIAN	TANDA 
<p>a) PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (<i>TRAVEL FAIRS/EXHIBITIONS</i>)</p> <p>Malaysia & Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dipohon 	<p>i. Sijil Pendaftaran</p> <p>ii. Pengesahan Penganjuran</p> <p>iii. Itinerari Program/Lawatan</p> <p>iv. Kos Penyertaan</p> <p>* <u>Yuran penyertaan/Sewaan Reruai (<i>Booth</i>)</u> Hanya untuk <i>INBOUND</i> SAHAJA. Perlu membuktikan penjualan pakej.</p> <p>* <u>Penerbangan</u> Malaysia & Luar Negara - Penerbangan pergi dan balik serta penerbangan mengikut sektor yang dinyatakan di dalam program/itinerari rasmi, tertakluk kepada kelulusan</p> <p>* <u>Pengangkutan Darat</u> Malaysia - Tol/<i>Parking</i>/Feri/Tren/Kereta sewa/<i>E-hailing</i>/Teksi dengan kelayakan maksimum RM500 sahaja</p> <p>Luar Negara - Semua jenis pengangkutan dengan kelayakan maksimum RM1,000 sahaja</p> <p>* <u>Penginapan:</u> Malaysia & Luar Negara - Kos penginapan yang layak dituntut ialah</p>	


	<p>dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas aktiviti/program berlangsung</p> <p><u>Nota:</u> Jika terdapat penerbangan transit, hanya kos penerbangan sahaja layak dituntut manakala penginapan ditanggung oleh pemohon.</p> <p>*jika berkaitan (Borang C1)</p>	
<p>b) PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN (<i>TOURISM SALES MISSION/ROADSHOWS</i>)</p> <p>Malaysia & Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dipohon 	<p>i. Sijil Pendaftaran</p> <p>ii. Pengesahan Penganjuran</p> <p>iii. Itinerari Program/Lawatan</p> <p>v. Kos Penyertaan * <u>Yuran penyertaan/Sewaan Reruai (<i>Booth</i>)</u> Hanya untuk <i>INBOUND</i> SAHAJA. Perlu membuktikan penjualan pakej</p> <p>* <u>Penerbangan</u> Malaysia & Luar Negara - Penerbangan pergi dan balik serta penerbangan mengikut sektor yang dinyatakan di dalam program/itinerari rasmi, tertakluk kepada kelulusan</p> <p>* <u>Pengangkutan Darat</u> Malaysia - Tol/<i>Parking</i>/Feri/Tren/Kereta sewa/<i>E-hailing</i>/Teksi dengan kelayakan maksimum RM500 sahaja</p> <p>Luar Negara - Semua jenis pengangkutan dengan kelayakan maksimum RM1,000 sahaja</p>	

	<p><u>*Penginapan</u> Malaysia & Luar Negara - Kos penginapan yang layak dituntut ialah dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas aktiviti/program berlangsung</p> <p><u>Nota:</u> Jika terdapat penerbangan transit, hanya kos penerbangan sahaja layak dituntut manakala penginapan ditanggung oleh pemohon.</p> <p>*jika berkaitan (Borang C1)</p>	
<p>c) WEBINAR</p> <p>Pasaran Malaysia & Luar Negara</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Sijil Pendaftaran ii. Pengesahan Penganjuran dari platform yang digunakan iii. Kos (Portal/Platform/Promosi/Penceramah) iv. Biodata Penceramah Berserta Kelayakan Akademik (Senarai Penceramah) <p>(Borang C3)</p>	
<p>d) LAWATAN SUAI KENAL (<i>FAMTRIP</i>)</p> <p>Malaysia</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Sijil Pendaftaran ii. Pengesahan Penganjuran & itinerari lawatan iii. Senarai nama peserta, jawatan, nama syarikat iv. Kos Penyertaan <ul style="list-style-type: none"> *Makan Tengahari/Makan Malam *Persembahan Kebudayaan *Bayaran Masuk Produk Pelancongan 	

	<p>*Pemandu Pelancong *Pengangkutan Bas/Van Persiaran *Penginapan</p> <p>*jika berkaitan (Borang C2)</p>	
<p>e) HEBAHAN VIDEO PRODUK PELANCONGAN (MELALUI PLATFOM/ MEDIUM ATAS TALIAN)</p> <p>Portal/Platfom Malaysia & Luar Negara</p>	<p>i. Sijil Pendaftaran</p> <p>ii. Maklumat Video Yang Akan Disiarkan</p> <p>iii. Maklumat Platfom dan/atau <i>KOL/Influencer</i> Yang Akan Digunakan [Sasaran penonton, Jumlah <i>followers</i> <i>dan</i> Jangkaan ROI (<i>Impression/clicks/views</i>)</p> <p>iv. Kos Portal/Platfom Atas Talian dan/atau Kos <i>KOL/Influencer</i></p> <p>v. Biodata <i>KOL/Influencer</i> (Jika berkaitan)</p> <p>vi. Menyertakan <i>rate card</i> /sebutharga bagi platfom atas talian/<i>KOL/influencer</i></p> <p>(Borang C3)</p>	


8. SENARAI SEMAK TUNTUTAN

8.1 PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (TRAVEL FAIRS/EXHIBITIONS IN MALAYSIA & OVERSEAS) - FIZIKAL & ATAS TALIAN

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN *dokumen asal yang diimbaskan (scan) berwarna	TANDA 
a) Kos Penyertaan/ *Sewaan Booth	<ul style="list-style-type: none">i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)ii. Invoisiii. Bukti Penyertaan [Pas Pempamer, Laporan bergambar/Surat Pengesahan Penganjuran (Program TM)/Borang Perakuan (Program Bukan Anjuran TM)]	
b) *Kos Penerbangan	<ul style="list-style-type: none">i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)ii. Invoisiii. <i>Boarding Pass</i>/Cop Keluar & Masuk Negara Luar (Pasport)	


<p>c) *Kos Pengangkutan Darat</p>	<p>i. Resit dan/atau Tiket</p> <p>Malaysia -Tol/<i>Parking</i>/Feri/Tren/Kereta sewa/<i>E-hailing</i>/Teksi dengan kelayakan maksimum RM500 sahaja</p> <p>Luar Negara - Semua jenis pengangkutan dengan kelayakan maksimum RM1,000 sahaja</p>	
<p>d) *Kos Penginapan</p> <p>*Jika berkaitan</p>	<p>i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer/Invoice/Guest Folio</i> atau apa-apa bukti pembayaran yang disahkan oleh Syarikat (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)</p> <p>*ii. Bukti Penginapan (booking confirmation/ invois/ resit daripada pihak Hotel)</p>	
<p>e) *Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang boleh dituntut</p> <p>*Jika berkaitan</p>	<p>i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)</p> <p>ii. Invois</p> <p>iii. Bukti Penyertaan – emel pengesahan dari penganjur</p> <p>iv. Laporan bergambar & tangkap layar (<i>screenshot</i>)</p> <p>v. Kadar pulangan pelaburan (ROI) / Nilai hasil penjualan</p>	

8.2 PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN & ROADSHOW (TOURISM SALES MISSION & ROADSHOWS) - FIZIKAL & ATAS TALIAN


JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN	TANDA
	*dokumen asal yang diimbas (scan) berwarna	
a) Kos Penyertaan/ *Sewaan <i>Booth</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja) ii. Invois iii. Bukti Penyertaan [Pas Pempamer, Laporan bergambar/ Surat Pengesahan Penganjuran (Program TM)/Borang Perakuan (Program Bukan Anjuran TM)] 	
b) *Kos Penerbangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja) ii. Invois iii. <i>Boarding Pass</i>/Cop Keluar & Masuk Negara Luar (Paspot) 	
c) *Kos Pengangkutan Darat	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dan/atau Tiket Malaysia – 	

	<p>Tol/ <i>Parking</i>/Feri/Tren/Kereta sewa/ <i>E-hailing</i>/Teksi dengan kelayakan maksimum RM500 sahaja</p> <p>Luar Negara - Semua jenis pengangkutan dengan kelayakan maksimum RM1,000 sahaja</p>	
<p>d) *Kos Penginapan</p> <p>*Jika berkaitan</p>	<p>i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer/Invoice/Guest Folio</i> atau apa-apa bukti pembayaran yang disahkan oleh Syarikat (Resit bagi bayaran secara tunai dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)</p> <p>*ii. Bukti Penginapan (booking confirmation/ invois/ resit daripada pihak Hotel)</p>	
<p>e) Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dituntut</p> <p>*Jika berkaitan</p>	<p>i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai hanyalah dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja)</p> <p>ii. Invois</p> <p>iii. Bukti Penyertaan</p> <p>iv. Laporan bergambar & tangkap layar (<i>screenshot</i>)</p> <p>v. Kadar pulangan pelaburan (ROI)/ Nilai hasil penjualan</p>	


8.3 WEBINAR PELANCONGAN

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN *dokumen asal yang diimbas (scan) berwarna	TANDA 
a) <i>WEBINAR</i> Menggunakan Portal/Platfom yang diiktiraf *Portal/Platfom dalam talian *Promosi sesi webinar *Penceramah *Jika berkaitan	i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Senarai kehadiran & Jawatan (Jika ada) iv. Laporan dari portal/platfom v. Kadar pulangan pelaburan (ROI)	

8.4 PROGRAM LAWATAN SUAI KENAL (FAMTRIP)

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN <i>*dokumen asal yang diimbas (scan) berwarna</i>	TANDA 
<p>*Makan Tengahari/Makan Malam *Persembahan Kebudayaan *Bayaran Masuk *Pemandu Pelancong *Pengangkutan Bas/Van Persiaran *Penginapan</p> <p>*Jika berkaitan</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai hanyalah dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja) ii. Invois iii. Senarai peserta, jawatan & nama syarikat iv. Laporan Bergambar v. Kadar pulangan pelaburan (ROI) 	

8.5 HEBAHAN VIDEO PRODUK PELANCONGAN MELALUI PLATFORM / MEDIUM ATAS TALIAN (*ONLINE*)

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN <i>*dokumen asal yang diimbaskan (scan) berwarna</i>	TANDA 
<ul style="list-style-type: none"> i. Portal/Platform atas talian (<i>Online</i>) ii. <i>KOL (Key opinion leader)/Influencer</i> 	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dan/atau Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/<i>Telegraphic Transfer</i> bagi pembayaran secara elektronik (Resit bagi bayaran secara tunai hanyalah dihadkan sehingga siling RM 5,000 sahaja) ii. Invois iii. Laporan dari portal/platform (<i>analytical/impression report</i> dalam tempoh siaran) iv. Link hebahan & tangkap layar (<i>screenshot</i>) v. Menyertakan <i>rate card</i> dan/atau sebutharga bagi platform atas talian/KOL/influencer vi. Kadar pulangan pelaburan (ROI) / Nilai hasil penjualan 	

**PERMOHONAN LENGKAP HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SECARA
'HARD COPY' KEPADA:**

**URUS SETIA
GERAN GALAKAN MELANCONG MALAYSIA (GAMELAN)
LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(TOURISM MALAYSIA)
BAHAGIAN DOMESTIK & ACARA
ARAS 4, NO. 2, MENARA 1
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**

DAN E-MEL SALINAN KEPADA: -

gamelan@tourism.gov.my

TALIAN UNTUK DIHUBUNGI:

03-8891 8417 / 8433 / 8409 / 8418 / 8469 / 8415